

## **Tahap Efikasi Dengan Skor Pemantauan Pembelajaran Dan Pengajaran Pensyarah di Politeknik Melaka**

Zaihan Binti Haron

E-mail: Zaihan@polimelaka.edu.my

Hilmun Binti Mohamed

E-mail: hilmun@polimelaka.edu.my

Jabatan Perdagangan, Politeknik Melaka

### **Abstrak**

Kajian ini merupakan satu kajian yang meninjau tahap efikasi pensyarah dengan skor pemantauan pembelajaran dan pengajaran (PdP) pensyarah di Politeknik Melaka. Persoalan kajian yang ingin dilihat adalah sejauh mana tahap efikasi pensyarah Politeknik Melaka terhadap efikasi kesediaan mengajar dan adakah pensyarah yang memiliki efikasi kesediaan mengajar yang tinggi mempunyai skor pemantauan PdP yang tinggi. Instrumen kajian untuk melihat tahap efikasi adalah melalui borang soal selidik ke atas 44 orang pensyarah dan untuk skor pemantauan PdP diperolehi daripada Laporan Pemantauan PdP Politeknik Melaka bagi sesi Jun 2013. Dapatan kajian dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu analisa tahap efikasi, analisa skor pemantauan PdP sesi Jun 2013 dan analisa tahap efikasi dengan skor pemantauan PdP setiap responden. Min bagi skor efikasi dan skor pencapaian pemantauan PdP sesi Jun 2013 tidak menunjukkan dapatan yang selari atau positif di mana dapatan skor efikasi adalah pada tahap skor 4.23 menunjukkan interpretasi yang sangat bersedia dan tahap kecenderungan yang tinggi tetapi dapatan min skor pencapaian pemantauan hanyalah pada skor 82% iaitu pada tahap memuaskan. Dapatan ini diperkukuhkan lagi oleh dapatan analisa skor efikasi dan skor pencapaian pemantauan PdP secara individu dimana pengkaji dapat melihat tidak semestinya responden yang mempunyai skor efikasi yang tinggi atau sangat bersedia mendapat skor pemantauan yang sangat memuaskan.

**Kata Kunci:** Skor, Efikasi, Pemantauan pembelajaran dan pengajaran.

### **Abstract**

This study is to investigate the effectiveness of lecturers of Politeknik Melaka based on teaching and learning (PDP) score. The scope of this research is to view the impact of efficacy lecturers of Politeknik Melaka are willing to teach and whether the lecturers who have taught a high readiness efficacy have high scores in monitoring teaching and learning. The instrument used to look at the level of efficacy is through questionnaires to the 44 lecturers and for scores obtained from the monitoring teaching and learning report for the session Polytechnic Melaka June 2013. The study is divided into three stages, namely the analysis of the efficacy analysis, teaching and learning June session 2013 and analysis of efficacy by monitoring PDP scores each respondent. Min to score efficacy and achievement scores monitoring PDP session in June 2013 did not demonstrate findings consistent or positive where findings scores efficacy is at the level of the score 4:23 shows the interpretation that is ready and the likelihood that high but the findings mean the monitoring is to score 82% ie at a satisfactory level. This finding is reinforced by the findings of the analysis of efficacy scores and achievement scores for individual monitoring PDP where researchers can see not necessarily respondents with high efficacy score or so willing scored monitoring very satisfactory.

**Keywords:** Score, Efficacy, Monitoring of learning and teaching.

## **1. Pengenalan**

Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) telah melaksanakan transformasi untuk menyokong penambahbaikan yang berterusan dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) ke arah pendidikan yang terjamin kualitinya. Pemantauan pengajaran adalah merupakan sebahagian daripada Jaminan Kualiti dan dilihat sebagai salah satu usaha penting dalam memantau keberkesanan pengajaran serta mendorong, menyelaraskan dan membimbing pensyarah dalam hal pengajaran supaya mereka terus mampu berfungsi sejajar dengan perkembangan semasa. Pihak JPP yakin dengan pelaksanaan pemantauan dan penyeliaan yang sistematik mampu meningkatkan kualiti PdP.

Pemantauan dan penyeliaan ini adalah untuk memastikan PdP dapat berjalan sebagaimana yang dirancang. Garis Panduan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran Politeknik 2012 telah dihasilkan bertujuan untuk menerangkan prosedur pemantauan PdP di politeknik. PdP adalah elemen penting dalam menentukan kecemerlangan akademik pelajar. Keberkesanan PdP perlu dijadikan satu agenda penting bagi memartabatkan profesionalisme pensyarah, selaras dengan Teras Kedua dalam Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) iaitu untuk menambahbaik kualiti PdP di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan.

Penilaian pelajar terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran dapat membantu tenaga pengajar menambahbaik pengajaran mereka serta boleh digunakan sebagai satu ukuran secara langsung terhadap kepuasan pelajar sepanjang proses pendidikan. Tahap kepuasan pelajar boleh dijadikan petunjuk penting terhadap prestasi masa lepas, semasa dan masa hadapan. Efikasi menurut Bandura (1986) adalah pertimbangan subjektif individu terhadap kemampuannya untuk menyusun tindakan yang diperlukan untuk menyelesaikan tugas-tugas khusus yang dihadapi. Efikasi diri tidak berkaitan langsung dengan kecekapan yang dimiliki individu, melainkan pada penilaian diri tentang apa yang dapat dilakukan, tanpa terkait dengan kecekapan yang dimiliki.

Efikasi diri ialah jangkaan seseorang bahawa dia telah bertingkah laku seperti yang diperlukan untuk menghasilkan atau mencapai sesuatu natijah. Ia diertikan sebagai keyakinan terhadap sesuatu keupayaan untuk menyusun dan melaksanakan kognitif, tingkah laku dan kemahiran sosial yang diperlukan untuk kejayaan terhadap sesuatu tugas (Bandura, 1986). Definisi tersebut memberikan pemahaman bahawa efikasi diri adalah penilaian yang merupakan keyakinan subjektif individu mengenai kemampuan dirinya dalam melakukan tugas, mengatasi masalah, dan melakukan tindakan yang diperlukan untuk mencapai tujuan hasil tertentu.

## **2. Latar Belakang Kajian**

Penilaian staf merupakan suatu proses yang kompleks dan dinamik berdasarkan peraturan organisasi dan boleh berubah dari semasa ke semasa. Pemantauan yang efektif penting untuk kejayaan pembangunan

kakitangan bagi sesebuah organisasi (Mazlan, 2008). Dalam memastikan keberkesanan sistem pendidikan yang dilaksanakan, tenaga pengajar perlu dinilai semasa proses PdP berlangsung bagi memastikan kualiti pengajaran yang dilaksanakan di dalam bilik darjah adalah seperti yang disasarkan oleh institusi pendidikan tersebut dan seterusnya akan menyumbang kepada kualiti pendidikan negara. Penilaian terhadap pensyarah boleh dilihat dari pelbagai aspek seperti perancangan, instruksional, kompetensi dan profesionalisme serta pengurusan kelas.

Selain itu, tahap efikasi pensyarah Politeknik Melaka terhadap persediaan pelaksanaan PdP juga perlu diberi perhatian kerana efikasi diri menunjukkan keyakinan individu bahawa dirinya dapat melakukan tindakan yang dikehendaki oleh situasi tertentu dengan berhasil. Ini adalah kerana keyakinan diri adalah pendapat atau keyakinan yang dimiliki seseorang mengenai kemampuannya dalam menampilkan sesuatu perilaku.

#### Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau tahap efikasi pensyarah terhadap kesediaan mengajar dan membandingkannya dengan skor proses PdP yang diperolehi oleh pensyarah bagi sesi Jun 2013. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

- a) Mengenal pasti tahap efikasi kesediaan mengajar pensyarah terhadap kesediaan mengajar.
- b) Membandingkan tahap efikasi kesediaan mengajar dengan skor pemantauan PdP.

PdP merupakan elemen yang penting dalam menentukan kecemerlangan akademik pelajar. Sehubungan itu, keberkesanan PdP perlu dijadikan satu agenda penting bagi memartabatkan profesionalisme pensyarah. Ianya juga adalah selaras dengan Teras Kedua yang terdapat dalam PSPTN iaitu untuk menambahbaik kualiti PdP di IPT tempatan. Proses pemantauan adalah mekanisme yang digunakan untuk pelbagai tujuan. Antara tujuan khusus pemantauan adalah memastikan pelaksanaan kurikulum mencapai hasil yang disasarkan, membantu meningkatkan kompetensi dan profesionalisme pensyarah bagi memastikan proses PdP dilaksanakan dengan berkesan dan sebagai input kepada pencerapan institusi dan pencerapan khas Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi di politeknik.

Penilaian efikasi diri merupakan proses penarikan kesimpulan yang mempertimbangkan sumbangan faktor kemampuan dan bukan kemampuan pada keberhasilan dan kegagalan pada performasi. Sejauh mana individu mengubah efikasinya melalui pengalaman performasi, akan tergantung pada faktor-faktor lain seperti kesulitan tugas, besar usaha yang dikeluarkan, besar bantuan eksternal yang diterima, situasi pada saat performasi dan pola-pola keberhasilan dan kegagalan (Bandura, 1997). Efikasi tergantung

pada kemampuan individu, di mana pada umumnya individu yang berkemampuan tinggi memiliki efikasi yang lebih tinggi dalam menguasai sesuatu tindakan berbanding dengan individu yang mempunyai kemampuan yang rendah biasanya memiliki tahap efikasi yang rendah (Schunk& Zimmerman, 1994).

## Sorotan Kajian

### *Penyeliaan Pengajaran*

Penyeliaan dalam konteks pendidikan adalah untuk membangunkan perkembangan psikologi manusia kearah meningkatkan tahap profesionalisme tenaga pengajar. Penyeliaan atau pemantauan pengajaran merangkumi semua aktiviti yang dilakukan untuk mempertingkatkan proses PdP di semua peringkat dalam institusi pendidikan. Sergiovanni dan Staratta (2001) menekankan 3 teori penyeliaan yang utama iaitu (i) Teori Penyeliaan Tradisional – penyeliaan terhadap keseluruhan tugas tenaga pengajar perlu dikawal rapat dan diberikan pemantauan sepenuhnya; (ii) Teori Penyeliaan Humanistik – menekankan jalinan hubungan baik antara penyelia dan tenaga pengajar yang diselia akan menghasilkan rasa kepuasan kerja dan komitmen yang tinggi; (iii) Teori Penyeliaan Saintifik Moden – menumpukan kepada konsep ketrampilan dan peningkatan ke arah mencapai kecemerlangan pengajaran.

### *Efikasi Kesediaan Mengajar Pensyarah*

Kajian oleh Chyng dan Mariadaas (2012) mendapati penyeliaan pengajaran yang dinilai daripada segi inisiatif dan dedikasi akan menyebabkan pensyarah yang mempunyai inisiatif selalu mempelbagaikan cara penyampaian maklumat kepada pelajar. Persepsi pensyarah terhadap penyeliaan pengajaran dan tahap kesediaan mengajar pensyarah semasa penyeliaan pengajaran berada pada tahap tinggi. Kajian menunjukkan profesionalisme pensyarah dapat dipertingkatkan jika penyeliaan pengajaran diamalkan.

Dalam usaha menjadi guru yang berkesan, pengetahuan tentang kandungan pelajaran dan pedagogi sahaja adalah tidak mencukupi. Terdapat bukti-bukti yang kukuh menunjukkan bahawa keupayaan guru mengajar adalah lebih kuat pengaruhnya terhadap keberkesanan pengajaran. Oleh itu, jelaslah efikasi guru mempunyai kesan terhadap proses pembelajaran. Menurut Tsachnen-Moran, et.al (1998), efikasi guru merujuk kepada kepercayaan guru pada keupayaan diri untuk menyusun atur dan melakukan siri tindakan yang diperlukan untuk menyempurnakan satu tugas pengajaran dalam konteks yang spesifik. Efikasi guru juga telah dikaitkan dengan banyak tingkah laku dan sikap positif guru (Bandura, 1997) dan juga pencapaian serta sikap murid (Henson, Bennet, Sienty &Chambers, 2002). Ini jelas menunjukkan efikasi guru merujuk kepada kepercayaan guru pada keupayaan diri untuk mengajar dalam situasi pengajaran.

### 3. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif yang bertujuan untuk mengenal pasti secara menyeluruh berkaitan skor pemantauan PdP dan tahap efikasi kesediaan mengajar pensyarah di Politeknik Melaka. Instrumen kajian ini telah dibina berasaskan instrumen kajian yang pernah dijalankan dalam bidang berkenaan dan diubah suai oleh pengkaji berdasarkan objektif dan soalan kajian yang akan ditentukan.

Kajian rintis telah dijalankan terhadap 10 orang pensyarah PMK sebelum soal selidik digunakan dalam kajian sebenar, di mana ia bertujuan untuk mendapat kebolehpercayaan item-item yang dibina. Saiz sampel rintis tidak perlu besar, tetapi memadai untuk tujuan perbincangan awal yang berkesan tentang ujian (6 hingga 10 orang). Kebolehpercayaan pula seringkali dirujuk untuk menggambarkan kestabilan dan ketekalan dalaman (Creswell, 2002). Nilai *Cronbach Alpha* yang melebihi 0.60 sering kali diguna pakai sebagai indeks kebolehpercayaan sesuatu instrumen (Mohd Majid, 1990). Bagi Sekaran (1992) pula, nilai kebolehpercayaan yang kurang daripada 0.60 adalah dianggap rendah dan tidak boleh diterima, nilai Alfa antara 0.60 hingga 0.80 adalah diterima manakala nilai Alfa yang melebihi 0.80 adalah dianggap baik. Nilai Cronbach Alpha secara keseluruhan bagi soal selidik ini adalah 0.94 dan ini menunjukkan kebolehpercayaan bagi soal selidik bagi kajian ini adalah baik.

Bagi pemantauan PdP, data diperolehi daripada Laporan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran Politeknik Melaka bagi sesi Jun 2013. Data kajian dikumpul melalui instrumen seperti di bawah:

- a) mengedarkan soal selidik kepada 100 pensyarah di Politeknik Melaka bagi sesi pengajian Jun 2013. Borang kaji selidik yang digunakan sebagai instrumen utama ini diedarkan sendiri oleh penyelidik secara terus kepada sampel responden yang dikenalpasti.
- b) memadankan nama responden dengan skor pemantauan pengajaran yang diperolehi oleh responden (Laporan Pemantauan PdP Politeknik Melaka, Sesi Jun 2013).

Borang soal selidik yang dibina terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Bahagian A yang mengandungi latar belakang atau maklumat demografi responden dan Bahagian B yang mengandungi 15 item soalan bagi menjawab persoalan kajian.

Jadual 1: Skala Likert

Skor	Tahap Kesediaan
1	Sangat tidak Bersedia
2	Tidak Bersedia
3	Kurang Bersedia
4	Bersedia
5	Sangat Bersedia

Semua data daripada responden dikumpulkan dan dianalisa secara kuantitatif menggunakan perisian *Statistical for Social Science (SPSS) 16.0*. Setelah dianalisis, data tersebut dipermudahkan ke dalam bentuk jadual. Seramai 44 responden daripada enam jabatan di Politeknik Melaka telah mengisi borang soal selidik tahap efikasi kesediaan mengajar pensyarah. Jadual 1 menunjukkan pembahagian tahap kesediaan mengajar bagi skala likert.

Jadual 2: Ukuran Kecenderungan

Skor Min	Interpretasi	Tahap Kecenderungan
1.00 – 2.40	Tidak bersedia	Rendah
2.41 – 3.80	Bersedia	Sederhana
3.81 – 5.00	Sangat Bersedia	Tinggi

Adaptasi daripada Landell, 1997

Analisa skor min dibuat bagi kajian ini untuk mengetahui persepsi responden terhadap efikasi kesediaan mengajar. Jadual 2 digunakan sebagai panduan bagi mengukur tahap kecenderungan item-item dalam borang soal selidik.

#### 4. Dapatan Kajian

##### *Analisa Tahap Efikasi*

Jadual 3 menunjukkan dapatan soal selidik tahap efikasi kesediaan mengajar pensyarah dalam bentuk skor min untuk item soalan 1 hingga 15 bagi 44 pensyarah yang menjawab soal selidik tersebut. Daripada jadual dapat dilihat bahawa skor min bagi soalan 1 hingga 15 adalah 4.00 dan ke atas, dengan skor min keseluruhan bagi soalan 1 hingga 15 mencatat 4.23. Berdasarkan Jadual 2, skor min bagi soalan 1 hingga 15 adalah dikategorikan sebagai sangat bersedia dan tahap kecenderungan adalah tinggi. Bagi skor min keseluruhan juga skor min 4.23 menunjukkan interpretasi yang sangat bersedia dan tahap kecenderungan yang tinggi. Jadi, dapatlah dibuat kesimpulan di sini bahawa tahap efikasi persediaan PdP bagi pensyarah di Politeknik Melaka adalah sangat bersedia dengan tahap kecenderungan yang tinggi.

Jadual 3: Jumlah Min Bagi Soalan Soal Selidik Item 1 Hingga 15

No.	Item	Min
SI	Meningkat prestasi akademik pelajar yang kurang bermotivasi	4.14
S2	Melaksanakan kurikulum dan pengajaran mengikut keperluan individu pelajar	4.20
S3	Melaksanakan kurikulum berdasarkan pengalaman, minat dan kemampuan pelajar	4.20
S4	Mengaitkan pembelajaran dalam bilik kuliah dengan dunia sebenar	4.30
S5	Menggunakan teknologi dalam pengajaran	4.16
S6	Memilih strategi pengajaran yang pelbagai mengikut tahap	4.16

No.	Item	Min
	kemampuan pelajar yang berbeza	
S7	Mengekalkan persekitaran pembelajaran yang sistematik dan bermakna	4.16
S8	Melibatkan pelajar dalam kerja kumpulan secara koperatif	4.50
S9	Mengintergrasikan pengetahuan isi kandungan, kurikulum, pengetahuan perkembangan pelajar dan pembelajaran dalam merancang pembelajaran yang efektif	4.20
S10	Mewujudkan pengalaman pembelajaran yang menjadikan konsep isi pelajaran bermakna kepada pelajar	4.18
S11	Menggunakan kurikulum berpusat dan standard prestasi untuk merancang pengajaran	4.30
S12	Memotivasikan pelajar untuk terlibat dalam tugas akademik	4.36
S13	Mengajar pengetahuan dan kemahiran asas	4.32
S14	Merujuk pelajar kepada kaunselor sekiranya perlu	4.00
S15	Menyediakan pelajar untuk menjadi rakyat yang bertanggungjawab	4.30
Min keseluruhan		4.23

*Analisa Skor Pemantauan PdP Sesi Jun 2013*

Jadual 4 menunjukkan skor min pemantauan PdP Sesi Jun 2013 bagi 44 pensyarah politeknik yang telah mengisi borang soal selidik tahap efikasi kesediaan mengajar. Dari jadual tersebut didapati 25 orang (57%) pensyarah mendapat skor pemantauan 81-90% iaitu pada tahap memuaskan dan selebihnya iaitu 19 orang (43%) pensyarah memperolehi skor 91-100% iaitu pada tahap sangat memuaskan. Skor min bagi pemantauan pensyarah Sesi Jun 2013 pula adalah 82% iaitu pada skor pencapaian memuaskan sahaja.

Jadual 4 : Skor Min Pemantauan PdP Sesi Jun 2013

Skor	Tahap	Peratus
80 – 89 %	Memuaskan	25
90 – 100 %	Sangat Memuaskan	19
Skor min		82%

Secara keseluruhannya, min skor pencapaian pemantauan PdP bagi sesi Jun 2013 bagi pensyarah Politeknik Melaka menunjukkan keputusan pada skor memuaskan sahaja tetapi min skor efikasi kesediaan mengajar pensyarah berdasarkan data dalam Jadual 5 menunjukkan intrepretasi adalah sangat bersedia dengan tahap kecenderungan yang tinggi. Ini menunjukkan skor min tahap efikasi dan skor min pencapaian pemantauan PdP tidak menunjukkan dapatan yang selari atau positif.

Jadual 6: Pengkelasan Hubungkait Skor Tahap Efikasi Dengan Skor Pemantauan

Kategori	Skor Tahap Efikasi	Skor Pemantauan (%)
----------	--------------------	---------------------

	(min)	
A	4.00 – 5.00	90 - 100
B	3.00 – 3.99	80 - 89
C	<3.00	<80

Jadual 6 menunjukkan pengkelasan skor tahap efikasi dengan skor pemantauan yang sehalau atau positif di mana responden yang mendapat skor tahap efikasi dalam kategori A mesti mendapat skor pemantauan dalam kategori yang sama dan begitulah seterusnya bagi kategori B dan C. Daripada analisa yang telah dijalankan menggunakan Jadual 5 didapati hanya 84% (16/19) responden menepati kategori A dan 24% (6/25) menepati kategori B dan tiada responden di kategori C. Dapatan analisa ini diringkaskan dalam Jadual 7.

Jadual 7: Dapatan Hubungkait Skor Tahap Efikasi Dengan Skor Pemantauan

Kategori	Skor Tahap Efikasi (min)	Skor Pemantauan (%)	Responden (N)
A	4.00 – 5.00	90 - 100	16
B	3.00 – 3.99	80 - 89	6
C	<3.00	<80	-

Daripada Jadual 7, didapati hanya 50% sahaja responden yang menepati pengkelasan yang telah dibuat. Terdapat 19 orang responden yang mempunyai tahap efikasi di kategori A tetapi mendapat skor pemantauan di kategori B. Analisa juga mendapati seramai 3 responden mempunyai tahap efikasi di kategori B, tetapi mendapat skor pemantauan di kategori A.

Adalah didapati min bagi skor efikasi dan skor pencapaian pemantauan PdP sesi Jun 2013 tidak menunjukkan dapatan yang selari atau positif di mana skor efikasi adalah pada tahap skor 4.23 menunjukkan interpretasi yang sangat bersedia dan tahap kecenderungan yang tinggi tetapi min skor pencapaian pemantauan hanyalah pada skor 82% iaitu pada tahap memuaskan sahaja. Dapatan ini diperkukuhkan lagi oleh dapatan analisa skor efikasi dan skor pencapaian pemantauan PdP secara individu dimana pengkaji dapat melihat tidak semestinya responden yang mempunyai skor efikasi yang tinggi atau sangat bersedia mendapat skor pemantauan yang sangat memuaskan. Ini dapat dilihat daripada 76% responden yang mempunyai tahap efikasi tinggi tetapi hanya mendapat skor pemantauan pada tahap memuaskan sahaja iaitu 80% - 89%.

## 5. Kesimpulan dan Cadangan

Secara amnya kajian ini bertujuan mengkaji tahap efikasi pensyarah Politeknik Melaka terhadap efikasi kesediaan mengajar dengan skor pemantauan PdP sesi Jun 2013. Secara umumnya boleh dirumuskan bahawa responden yang mempunyai skor efikasi yang tinggi atau sangat



bersedia tidak semestinya mendapat skor pemantauan yang sangat memuaskan, dan begitu juga sebaliknya.

Untuk kajian akan datang adalah dicadangkan supaya pengkaji mempertimbangkan untuk menambah bilangan responden supaya hubungan korelasi dapat diukur di antara tahap efikasi dan skor pemantauan. Pengkaji juga mencadangkan supaya pemantauan diperincikan kepada domain-domain tertentu seperti domain perancangan PdP, instruksional serta kompetensi dan profesionalisme pensyarah. Aspek efikasi juga boleh diperluaskan dari segi kelayakan ikhtisas yang dimiliki oleh pesyarah serta pengalaman mengajar.

## Rujukan

Bandura, A. (1986). The explanatory and predictive scope of self-efficacy theory. *Journal of Clinical and Social Psychology*.

Bandura, A. (1997). *Self-Efficacy*, Worth Publisher.

Chyng, L.Y. & Mariadass, J. (2012). *Persepsi Pensyarah terhadap Penyeliaan Pengajaran Di Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, PUO*. Penyelidikan dan Inovasi Memperkasa Kualiti Pendidikan TVET 1.

Fornell *et al.* (1992). *A National Customer Satisfaction Barometer : The Swedish Experience*, *Journal of Marketing*, Vol 56; Issues 1, p6-21.

*Garis Panduan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran Politeknik*. (2012). Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi, Edisi 2012.

*Garis Panduan Pemantauan, Penilaian Impak dan Laporan*. (2009). *Pekeliling Bahagian Pengurusan Dan Pemakanan, Jabatan Kemajuan Masyarakat*, Bil. 09 Tahun 2009

Henson, R. K., Bennett, D. T., Sienty, S. F., & Chambers, S. M. (2002). The Relationship Between Means-End Task Analysis And Context Specific And

Global Self-Efficacy In Emergency Certification Teachers: Exploring A New Model of Self-Efficacy. *The Professional Educator*, 24(2), 29-50.

John W. Cresswell. (2002). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Merrill PrenticeHall. 0137905025, 9780137905027

Landell, K. (1997). *Management by Menu*. London: Wiley and Soms Inc.  
Mazlan Mohd Sappri. (2008). *Pengukuran Prestasi Pensyarah Berasaskan Metrik : Satu Kajian Kes*, *IJMS* 15(1): 125-142

Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Schunk, D.H., & Zimmerman, B.J. (Eds.). (1994). *Self-regulation of Learning and Performance: Issues and Educational Applications*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.

Sekaran, U. (1992). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. New York: John Wiley & Sons.

Sergiovanni, T. J. & Starrant, R. J. (2001). *Supervision: A Redefinition*. 7<sup>th</sup> ed. Boston: McGrawHill.